

|            |                            |             |                     |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro               |             |                     |
| Date       | 09 Aug 2016                | Color       | Full Color          |
| Section    | Agro                       | Circulation | 1,270,667           |
| Page No    | 8                          | Readership  | 3,812,000           |
| Language   | Malay                      | ArticleSize | 494 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Mohamad Hussin             | AdValue     | RM 19,386           |
| Frequency  | Daily                      | PR Value    | RM 58,158           |



# PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

Felo FRIM terima Pingat RBGE kerana cemerlang dalam bidang taksonomi, biodiversiti

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my

Felo Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr Saw Leng Guan menerima Pingat Royal Botanic Garden Edinburgh (RBGE), baru-baru ini.

Ini berikutan kecemerlangan beliau sebagai ahli taksonomi, sumbangan dalam penyelidikan biodiversiti di Malaysia dan peranannya dalam usaha pemuliharaan selama lebih 30 tahun.

Pengarah RBGE Prof Simon Milne menyampaikan pingat berkenaan kepada Dr Saw pada majlis pembukaan Simposium Antarabangsa Flora Malesiana ke-10 di RBGE, Scotland, baru-baru ini.

Beliau berkata, anugerah itu sangat sesuai diberikan kepada Dr Saw yang memberi inspirasi melalui kepemimpinan dan kepakarannya.

"RBGE sebuah institusi penyelidikan antarabangsa terkemuka yang menyampaikan pengetahuan, pendidikan



PINGAT Royal Botanic Garden Edinburgh.

dan tindakan pemuliharaan tumbuhan di seluruh dunia.

"Pingat ini dianugerahkan sebagai pengiktirafan sumbangan individu yang cemerlang dalam mana-mana bidang berkaitan RBGE.

"Pingat RBGE pertama dianugerahkan kepada Dr Edward Edmund Kemp yang juga mantan Kurator RBGE dan Pakar Hortikultur Kanan Scotland pada Ogos 2010," katanya.

Antara penerima anugerah lain ialah Sir Timothy Bartel Smit (2011), Prof Dr Vernon Hilton Heywood (2013) dan Prof Dr

Peter Hamilton Raven (2015).

Dr Saw bersara sebagai Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM, tahun lalu. Pada tahun ini, beliau dilantik sebagai Felo Penyelidik FRIM untuk menyelaras kumpulan monokotiledon bagi projek 'Flora of Peninsular Malaysia'. Beliau yang dilahirkan di Taiping, Perak ialah ahli botani yang berpengalaman 34 tahun dalam bidang taksonomi, ekologi tumbuhan dan pemuliharaan flora di Malaysia.

Dr Saw menerima Ijazah Sains Perhutanan dari



DR Saw

Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1981. Beliau juga memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Pure and Applied Plant and Fungal Taxonomy dari University of Reading pada 1990 dan Ijazah Kedoktoran (PhD) melalui kajian bertajuk 'The taxonomy and ecology of the genus Licuala (Palmae) in Malaya' dari universiti yang sama.

Beliau mula bertugas di Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI) pada 1982 sebagai Ahli Silvikultur Hutan Bukit dan seterusnya sebagai Ahli Botani Hutan sebelum dinaikkan pangkat

sebagai Pegawai Penyelidik Kanan pada 1990. Beliau dilantik sebagai Pengarah Program Pusat Biodiversiti Hutan Tropikal FRIM pada 2004.

Dr Saw menerbitkan lebih 130 kertas kerja dalam jurnal, artikel dan bab dalam buku serta menamakan 57 taxa tumbuhan baru.

Empat spesies tumbuhan dinamakan sempena nama beliau iaitu Begonia lengguanii, Orchidantha lengguanii, Schizostachyum lengguanii dan Thrixspermum lengguanianum.